

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
RUJUKAN : BL4 [PR-1331-T65970]
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan loji pembancuh simen di kawasan Jalan Sungai Besi/Jalan Emas/Jalan Chan Sow Lin, berapakah bilangan yang berlesen dan haram dan bagaimanakah orang ramai menanggung kesan buruk berikutan operasi loji-loji dari segi bahaya ke atas kemudahan awam, keselamatan jalan raya dan lalu lintas. Apakah kerja-kerja pembaikan kemudahan awam dan jumlah kerugian kewangan yang ditanggung oleh DBKL sejak wujudnya loji pertama di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, terdapat 10 loji pembancuh simen sedia ada yang sedang beroperasi di kawasan ini. Satu (1) daripada loji tersebut akan ditutup pada bulan Ogos tahun 2015 ini manakala sembilan (9) lagi loji akan terus beroperasi. Enam (6) loji pembancuh simen telah mempunyai kelulusan Perintah Pembangunan manakala tiga (3) lagi loji turut diluluskan tetapi dengan bersyarat tertakluk kepada pemaju mengemukakan pelan pindaan serta menjelaskan bayaran deposit sebanyak RM250,000.00 bagi setiap loji.

Kesemua 10 pengusaha loji pembancuh simen telah dipanggil oleh pihak DBKL pada 3 Mac 2015 bagi menjelaskan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Mereka telah diberi amaran untuk mematuhi garis panduan serta syarat-syarat pembinaan loji pembancuh simen. Pengusaha tersebut diberi tempoh 14 hari untuk mematuhi garis panduan serta syarat-syarat pembinaan loji pembancuh simen. Tindakan menutup loji dan membatalkan permit pengangkutan akan dilaksanakan sekiranya pengusaha masih tidak mematuhi arahan yang telah ditetapkan.

Bagi kerja-kerja penambahbaikan kemudahan infrastruktur, pengusaha-pengusaha loji telah diarahkan untuk memperbaiki kerosakan di Jalan 2 Chan Sow Lin. Selain itu, DBKL juga telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kerosakan supaya orang awam dapat menggunakan kemudahan jalan raya dengan lebih selesa dan selamat. Sehingga kini DBKL telah membelanjakan lebih kurang RM200,000.00 untuk kerja-kerja pembaikan berkenaan.